

## KEDAULATAN DAN KESELAMATAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Oleh  
 Mohd. Ainuddin Iskandar Lee Abdullah  
 Mohd Izani Mohd Zain  
 Muhammad Afifi Abdul Razak  
 Jabatan Hubungan Antarabangsa  
 Fakulti Pengajian Antarabangsa  
 Universiti Utara Malaysia

### ABSTRAK

Kedaulatan merupakan perkara asas dalam sesebuah negara. Kedaulatan amat penting kerana ia dianggap satu aset bagi mempertahankan kemerdekaan dan ketuanan negara untuk tidak terus dijajah atau di'jajah'. Kertas kerja ini bertujuan menunjukkan kepentingan kedaulatan terutama peranannya dalam menghadapi era globalisasi. Dalam konteks Malaysia, kedaulatan memainkan peranan yang penting sehingga meletakkan negara amat dihormati oleh pihak luar. Beberapa faktor yang mengukuhkan kedaulatan di Malaysia turut disentuh dalam artikel ini termasuk usaha terbaru kerajaan memperkenalkan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Program tersebut yang digerakkan bertujuan menjana generasi muda supaya menjawai nilai-nilai patriotisme, kenegaraan, dan solidariti dijangka mampu mengukuhkan lagi benteng kedaulatan negara.

### Pengenalan

Perkataan kedaulatan atau *sovereignty* bermaksud kuasa tertinggi yang dimiliki oleh sesebuah negara. Kemunculan konsep ini dipengaruhi oleh proses pertumbuhan negara moden. Secara umumnya kedaulatan merupakan kuasa tertinggi yang dimiliki oleh sesebuah institusi dalam masyarakat, politik untuk membuat keputusan tentang hal-hal yang berhubung dengan pentadbiran dan politik.

Ahli falsafah pertama yang memberi pendapat tentang kedaulatan ialah *John Bodin* (1530-1596) dalam bukunya '*Six Books Cancerning The State*' menegaskan kedaulatan adalah kuasa tertinggi yang terdapat dalam sesuatu kesatuan negara iaitu kuasa tertinggi ke atas warganegara dan rakyat wilayah itu. Kuasa tertinggi menurut beliau dimiliki oleh golongan raja atau pemerintah yang memiliki kuasa daulat (mutlak).

*John Bodin* dan *Thomas Hobbes* menegaskan betapa perlunya satu kuasa yang padu yang harus diterima oleh semua pihak dan tiada sesiapa pun yang harus melanggar kedaulatan sebuah negara. Ia seharusnya diterima dan dihormati oleh semua orang. Di samping itu, tidak ada kumpulan atau individu yang boleh mempersoal atau membangkang kuasa tertinggi ini kerana dengan tersebut, hak untuk kebebasan atau hak sebagai rakyat akan ditetapkan. Kedaulatan negara hanya boleh kuasai secara holistik oleh kuasa Tuhan yang sentiasa lebih berkuasa ke atas pemerintah. (Katni Kamsono Kibat,1986 : 62).

Apabila membincangkan tentang soal kedaulatan negara, ia secara tidak langsung mempunyai kaitan dengan soal keselamatan negara. Sebagai unit-unit dalam konteks negara, peranan rakyat dalam erti mempertahankan kedaulatan negara amat penting kerana ia akan membawa implikasi terhadap memperkasa soal ketaatan yang tak berbelah demi menjamin keselamatan terhadap negara. Peranan ini penting dalam usaha membawa konsep perpaduan yang lebih jitu ke arah pembentukan sebuah negarabangsa yang benar-benar utuh. Proses ke arah satu bangsa atau *nation* melibatkan pembentukan

sikap dan perasaan *affinity*, persetujuan untuk ke arah perkongsian, kesayangan yang tulen atau apa-apa peranan dalam konteks membina sahsiah jatidiri yang kuat.

### **Kedaulatan dan Ancaman Globalisasi**

Apa yang membimbangkan pada masa kini ialah berkenaan dengan ancaman globalisasi. Dunia mengalami gelombang perubahan yang ketara dalam dimensi persekitaran ekonomi mahupun sosio-politik. Konsep globalisasi agak sukar ditakrifkan terutamanya dari segi kandungan ideologinya<sup>1</sup>. Globalisasi merupakan satu fenomena yang multidimensi yang banyak dipengaruhi oleh lanskap kapitalisme, satu konotasi idealisme yang telah lama wujud sejak berkembangnya era teknologi penciptaan terutamanya dalam aspek pelayaran sekitar abad ke-14 yang membawa kepada implikasi kolonialisme. Perkembangan yang pesat dalam pasaran bebas akhirnya membawa kepada sistem pengeluaran global pada pertengahan abad ke-20 yang memperlihatkan pengeluaran dalam kapasiti yang besar didominasi oleh perbadanan transnasional.

Walaupun terdapat pelbagai perspektif dalam menghuraikan tentang konsep dan definisi globalisasi. Giddens (1999) mengklasifikasikan globalisasi pada dua tahap dalam meneliti proses globalisasi. Pertama, tempoh globalisasi meliputi awal kurun ke-16 hingga pertengahan kurun ke-20. Dalam peringkat ini, proses modenisasi berkembang seterusnya membentuk satu bangsa Eropah yang berkembang di seluruh dunia. Di samping itu, perkembangan institusi negarabangsa seperti kapitalisme, industrialisasi, keupayaan kawalan negara serta kuasa ketenteraan turut menyokong kepada penyebaran dominasi kuasa barat ke seluruh dunia. Dalam fasa kedua yakni penghujung abad ke-20, globalisasi tidak sekadar berada dalam prisma ekonomi semata-mata tetapi ia telah menular dalam institusi politik, teknologi, budaya.

Antara perubahan yang penting dalam fasa kedua ini adalah impak globalisasi dalam konteks negarabangsa (*nation-states*). Secara umumnya; ungkapan globalisasi tidak mempunyai beza dengan terma *neo-kolonialisme* yang bersifat ‘menjajah’ dalam konsep yang baru. Apa yang membimbangkan, globalisasi merupakan satu agenda pensejagat manusia mengikut terma dan norma kebaratan yang tiada batasan. Bangsa yang lemah dalam mental dan spiritual akan mudah terjerumus dalam kancang kebinasaan. Manusia tiada lagi nilai-nilai kesantunan dan keperibadian yang tinggi. Singnifikasinya membawa kepada kelenyapan ketamadunan sebuah bangsa dan negara.

Malaysia sebagai sebuah negara sedang membangun turut melalui ujian gelombang globalisasi yang agak getir. Masyarakat Malaysia yang mempunyai masyarakat berbilang kaum (*multi racial*) dan dirumuskan sedang menghadapi cabaran ke arah pembentukan sebuah negarabangsa yakni bangsa Malaysia. Masyarakat dalam konteks ini terdiri daripada pelbagai kaum yang mempunyai budaya, agama, bahasa dan adat resam yang tersendiri. Walaupun kaum yang berlainan berganding bahu di bawah satu sistem politik yang sama, tetapi kehidupan mereka berasingan. Interaksi di kalangan mereka juga agak kurang dan hubungan antara kaum agak terbatas dengan setiap kaum mempunyai fungsi-fungsi ekonomi yang tersendiri<sup>2</sup>. Persoalannya, generasi kini yang mewarisi konsep masyarakat majmuk di negara ini masih menghadapi persoalan dan dilema akibat impak segmentasi zaman kolonial British.

---

<sup>1</sup> Lihat tulisan Abdul Rahman Embong berjudul ‘Wacana Globalisasi’ dalam Noraini Othman dan Sumit K.Mandal, *Malaysia Menangani Globalisasi : Peserta atau Mangsa?*, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000.

<sup>2</sup> Lihat dalam Furnivall, J.S., *Colonial Policy and Practice: A Comparative Study of Burma and Netherlands*, Universiti of New York Press, New York.

Masyarakat kini masih belum secara sepenuhnya menjawai konsep bangsa Malaysia sebagaimana terkandung dalam cabaran pertama Wawasan 2020 yang begitu prihatin terhadap soal perpaduan masyarakat di Malaysia. Masalah perpaduan yang belum selesai ini dibayangi pula dengan arus globalisasi yang cuba melenyapkan tamadun sesuatu bangsa mengikut kehendak Barat. Hanya bangsa yang benar-benar utuh dapat menangkis serangan dan ancaman globalisasi yang dianggap cuba mengubah darjah corak kehidupan masyarakat di negara ini. Soal kepekaan yang agak longgar terhadap perkembangan semasa bukan saja mengakibatkan negara amnya dan rakyat khususnya ketinggalan dengan arus pembangunan tetapi ia turut memberi kesan terhadap pembentukan jatidiri seseorang individu. Memang tidak dapat dinafikan bahawa abad ke-21 merupakan era revolusi teknologi maklumat dengan segala urusan dikendalikan oleh kepintaran buatan.

### **Kedaulatan dan Relevansi di Malaysia**

Oleh hal demikian, aspek ketahanan jatidiri yang berteraskan kepada kekuatan mental dan spiritual akan menjadi benteng yang paling berkesan menangani serangan globalisasi. Jatidiri dalam ertikata sebuah bangsa yang memiliki ketinggian akhlak dan keperkasaan tamadun mengikut acuan nilai-nilai kemasyarakatan. Kekuatan jatidiri merangkumi aspek pertimbangan moral iaitu mempunyai daya pertimbangan yakni membezakan antara yang benar dan palsu. Di samping itu, benteng jatidiri seseorang individu harus disulam dengan semangat patriotisme dan nasionalisme dalam ertikata mempertahankan kedaulatan negara serta memiliki nilai kesetiaan yang tak berbelah bagi terhadap bangsa dan negara. Kekuatan dalam perlu lahir dalam bentuk yang paling mantap tanpa dipisahkan oleh faktor geografikal, kepelbagaiannya kaum, umur, gender dan sebagainya. Fenomena pembinaan jatidiri yang kukuh di kalangan masyarakat khususnya di Malaysia sememangnya penting tatkala negara mengalami masalah seperti ‘serangan’ ekonomi oleh spekulator indeks yang sentiasa mencari ruang dan peluang untuk menjatuhkan nilai matawang negara-negara membangun termasuklah di rantau Asia Tenggara.

Krisis ekonomi yang melanda Malaysia pada 1997 merupakan yang paling buruk dalam dekad ini. Ia bukan sekadar melumpuhkan aktiviti perdagangan malah ia telah menimbulkan masalah pengangguran yang agak ketara serta pemberhentian kerja oleh pihak majikan terhadap pekerja. Fenomena ini telah menyebabkan rakyat berada dalam keadaan yang kurang selesa dan sentiasa berwaspada dengan prospek perkembangan ekonomi negara. Aliran kewangan menjadi lembap dengan nilai saham di pasaran saham menjunam teruk, sementara itu nilai matawang ringgit berada pada paras yang cukup membimbangkan. Kegawatan ekonomi pada 1997 hampir menyerupai apa yang dialami pada tahun 1930-an dan 1980-an. Apa yang menjadi perhatian dunia ialah kemampuan negara dalam menahan ancaman globalisasi yang mengakibatkan keadaan yang tidak menetu dalam pasaran ekonomi. Cabaran-cabaran negara dalam konteks mengharungi krisis ekonomi pada 1997 merupakan satu kajian yang menarik kerana ia melibatkan soal pengorbanan jiwa dan raga seluruh warga Malaysia dalam usaha menangkis serangan spekulator.

Justeru itu, gandingan mantap seluruh jiwa raga rakyat perlu dalam konteks menjaga kedaulatan negara dari dibolosi oleh anasir-anasir luar yang boleh merobek kedaulatan serta keharmonian adat dan budaya masyarakat di Malaysia. Rakyat perlu berganding bahu dan bersatu hati dalam menjamin keselamatan negara sentiasa berada dalam tahap yang optima kerana kelekaan dalam soal mempertahankan benteng negara akhirnya boleh membawa kepada *neo-kolonialisme*.

Oleh hal demikian, soal mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara merupakan tanggungjawab kolektif seluruh rakyat. Antara bukti yang jelas tentang pengembelangan tenaga di antara rakyat dan negara apabila krisis ekonomi berlaku dalam tahun 1997. Kerajaan di bawah pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyeru kepada semua pihak agar menentang spekulator yang rakus merampas hak ekonomi dan kewangan negara, para rakyat bangkit menurut segala strategi mahupun

perancangan kerajaan tanpa wujud sebarang perbalahan. Hasilnya; seluruh rakyat tanpa mengira latar belakang keturunan berganding tenaga memulihkan aliran ekonomi negara yang kian meruncing.

Setiap individu akur kepada perancangan negara dalam usaha mengembalikan prospek ekonomi dengan penuh tanggungjawab tanpa menimbulkan masalah kepada pihak pengurusan dan pentadbiran negara. Keupayaan negara memulihkan ekonomi dengan strategi tersendiri telah membuka mata masyarakat antarabangsa khususnya *International Monetary Fund* (IMF) yang sentiasa memasang ‘jerangkap’ kepada mana-mana negara di rantau Asia Tenggara dan Asia Timur yang dilanda krisis kewangan berikutan tindakan spekulator yang mengugat kestabilan ekonomi.

### **Kedaulatan dan Ketinggian Perlembagaan**

Kedaulatan negara turut dikaitkan dengan konsep ketinggian Perlembagaan. Ia bermaksud undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka dan yang berlawanan dengan perlembagaan hendaklah terbatasi setakat mana yang berlawanan. Perlembagaan ditakrif sebagai kumpulan peraturan dan undang-undang yang menentukan organisasi kerajaan dan pembahagian kuasa antara badan-badan pemerintah. Fungsi perlembagaan adalah memastikan wujudnya keamanan antara ahli masyarakat berpaduan peraturan-peraturan yang menjadi panduan kepada semua ahli masyarakat.

Negara Malaysia mengamalkan perlembagaan bertulis iaitu Parlimen yang memperoleh kuasa dari perlembagaan. Ini bermakna undang-undang yang dibuat, digubal dan dipinda tertakluk kepada kuasa yang diperuntukkan oleh perlembagaan. Umpamanya; dalam bidang perundangan, bidang kuasa parlimen hanya membuat dan menggubal undang-undang mengikut peruntukan perlembagaan. Manakala, dalam bidang kehakiman, mahkamah diberi kuasa mengistihar sesebuah undang-undang sebagai tidak sah sekiranya undang-undang yang dibuat oleh Parlimen itu berada di luar bidang kuasanya. Semasa melaksanakan fungsinya bagi memastikan undang-undang dan tindakan kerajaan sah di sisi perlembagaan, kuasa kehakiman adalah tertakluk kepada kehendak-kehendak perlembagaan. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa perlembagaan persekutuan disifatkan sebagai perlembagaan tertinggi di Malaysia. Kedaulatan penting bagi memastikan keamanan negara dapat dikekalkan. Rakyat dapat hidup dengan tidak digangu, hak individu dihormati dan tidak dicabuli, bebas memilih cara hidup ,tidak dizalimi ,bebas memberi pendapat ,bebas beragama dan berpersatuan ,bebas bergerak dan menikmati kehidupan yang aman dan selesa .Oleh itu, pentingnya kedaulatan itu dalam sesebuah negara.

### **Kedaulatan dan Pengiktirafan Luar**

Selain itu kedaulatan juga penting untuk memperoleh pengiktirafan dari negara luar .Pengiktirafan atau pujian tidak akan diperoleh sekiranya kedaulatan tidak wujud . Dengan adanya kedaulatan ,Malaysia dikenali di mata dunia .Perlantikkan Malaysia ke Majlis Keselaman PBB merupakan kejayaan yang diperoleh dengan sokongan kuat dari negara-negara yang sebelum ini tidak mengenali Malaysia (Abu Hassan Adam ,1994 :vii). Dirasakan untuk terpilih ke Majlis Keselamatan itu pastilah memerlukan penghormatan negara luar kepada negara kita .Yang paling membanggakan kita sebagai rakyat Malaysia ialah perlantikkan Dato' Seri Dr . Mahathir sebagai pengurus sebuah jawatankuasa untuk mengkaji pertubuhan Komanwel ini dari segi peranan dan tanggung jawabnya menempuh dekad 1990-an dan akan datang (Abu Hassan Adam ,1994:viii). Masyarakat antarabangsa juga sedar kewujudan dan kehebatan negara Malaysia yang hampir setanding dengan negara-negara maju perindustrian dunia mula menganggap Malaysia tergolong dalam negara-negara yang bakal mendominasi senario abad ke-21 (Abu Hassan Adam ,1994 :220).

Kepentingan kedaulatan adalah untuk mengekalkan kewujudan negara bangsa . Hidup sesuatu bangsa tidak hanya bergantung kepada bangsa itu sahaja . Demikian juga hidup bangsa Melayu . Hidup Melayu bergantung kepada ketahanan dan sejauh mana kita boleh mengukuhkan kedudukan dan bertahan daripada pengaruh luar yang boleh meruntuhkan . Ini bermakna hidup kita juga bergantung pada faktor luar . Negara Israel yang ada sekarang asalnya hak milik bangsa Palestin , bukan hak Yahudi atau Zionis . Negara ini menjadi negara Israel kerana campur tangan asing dan tinggallah bangsa Palestin hidup tanpa negara dan tanah air sendiri , berselerak di merata-rata dunia . Sejarah bangsa Campa melalui pengalaman dan perubahan yang sama . Mereka didesak oleh golongan Vietnam dan akhirnya berpecah menjadi identiti baru . Bangsa Kemboja sendiri berpecah dua , satu golongan menjadi pelarian dan satu golongan lagi terus menetap di Kemboja di bawah kuasa komunis dan Vietnam .Malahan banyak lagi contoh bagaimana kelumpuhan sesuatu bangsa terjadi (A .Aziz Deraman ,2000 :48 ).

Selain itu , kepentingan kedaulatan adalah negara itu bebas dari kongkongan atau ancaman luar . Negara yang berdaulat adalah negara yang bebas dari sebarang kongkongan atau ancaman negara luar . Negara berdaulat tersebut memerintah atas paksi sendiri . Oleh itu ,rakyat dan negara melaksanakan apa jua kegiatan selagi tidak bercanggah dengan undang-undang . Bebas dari kongkongan negara luar akan melancarkan perjalanan jentera pentadbiran . Oleh itu kedaulatan adalah penting untuk negara bebas dari menjadi wilayah jajahan .

### **Kedaulatan dan Hubungan Antarabangsa**

Kedaulatan juga dikekalkan dengan adanya hubungan antarabangsa . Malaysia berdaulat kerana berupaya mengawal hal ehwal dalam negeri dan kebebasan mengadakan hubungan luar atau polisi luar atau hubungan serantau melalui dasar luar. Dasar luar ialah hubungan sesebuah negara dengan negara-negara lain . Malaysia mengamalkan dasar luar dengan tujuan menjamin kedaulatan dan keselamatan negara . Sebagai sebuah negara yang berdaulat , Malaysia mengutamakan semangat kerjasama dan berbaik-baik dengan semua negara tanpa mengira ideologi politik . Dari segi keselamatan , nagara kita perlu mengelakkan dari sebarang ancaman dari negara-negara luar . Oleh itu negara kita memerlukan dasar luar yang dapat mengekalkan hubungan baik dengan semua negara (K.Ratnam , 1999 : 213-215 ). Umumnya , dasar luar Malaysia merangkumi tindakan bagi memastikan kemakmuran dan kestabilan negara di samping kedaulatan negara . Kerjasama antarabangsa dan hubungan luar melibatkan unsur politik , sosial ,ekonomi dan budaya.

Malaysia dari segi politik menjalin hubungan diplomatik dengan hampir semua negara yang merdeka dengan melantik wakil-wakil khas dan menubuahkan kedutaan serta mengadakan lain-lain hubungan politik . Dari segi ekonomi pula Malaysia menyokong perdagangan bebas serta menyertai pakatan-pakatan perjanjian ekonomi seperti Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT ) dan Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD), Bank Dunia , dan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF ).

Selain itu Malaysia juga mempromosi kebudayaan Nasional melalui aktiviti-aktiviti pembangunan pelancongan dan pertukaran kebudayaan negara asing . Turut mendapat perhatian dalam matlamat polisi luar Malaysia ialah kerjasama dari segi teknikal dengan negara asing melalui bantuan-bantuan kepakaran yang diterima dari negara maju dan yang dibirji kepada negara mundur lain . Malaysia juga tidak ketinggalan menjalin hubungan di bidang pertahanan dengan negara luar . Ini membolehkan Malaysia memperolehi kepakaran dan pengetahuan dari segi teknik dan teknologi terbaru bidang ketenteraan untuk menghadapi sebarang ancaman dari luar negara .

## **Kedaulatan dan Faktor Kepimpinan**

Seterusnya kedaulatan negara boleh dikekalkan melalui kebolehan yang ditunjukkan oleh negara dan pemimpinnya . Melalui kebolehan yang ditunjukkan oleh negara kita kepada negara luar akan menyebabkan negara luar hormat kepada negara kita . Rasa kehormatan ini akan mengukuhkan lagi kedaulatan negara kita . Contohnya , pengiktirafan oleh George Bush terhadap kemajuan Malaysia di bawah pimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir. Tidak lama dahulu kita juga menjadi tuan rumah CHOGM yang pencapainnya agak berbeza berbanding kebiasaan . Kesanggupan Malaysia khususnya kesediaan Dato' Seri untuk menjadi tuan rumah ke persidangan negara-negara Komanwel mengejutkan banyak negara (Abu Hassan Adam , 1994:235). Kejayaan terbaru Malaysia menganjurkan dua persidangan besar dunia iaitu OIC dan NAM pada tahun 2003 jelas membuktikan bahawa negara semakin diiktiraf dari segi pencapaian dan peranan memimpin dunia.

## **Kedaulatan dan Perpaduan Rakyat**

Selain itu sikap bersatu padu juga harus dipupuk bagi mengekalkan kedaulatan sesebuah negara . Di negara kita , sikap bersatu padu dipupuk melalui kebudayaan kebangsaan . Ini kerana masyarakat Malaysia mempunyai pelbagai etnik budaya . Matlamatnya adalah ke arah mengukuhkan perpaduan bangsa Malaysia (Aziz Deraman , 2000 :4) . Kedaulatan negara menekankan perpaduan rakyat kerana hanya dengan perpaduan sahaja kedaulatan dapat dikekalkan . Perpaduan masyarakat adalah prasyarat kepada pembentukan sebuah negara . Selain perpaduan rakyat, proses penjanaan generasi muda sebagai persiapan di hari depan juga amat penting. Ini adalah kerana generasi muda pada hari ini adalah pemimpin pada masa akan datang. Justeru, kerajaan telah memperkenalkan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dalam usaha melahirkan generasi muda yang mempunyai semangat patriotisme yang tinggi. Jika dianalisa, perlaksanaan PLKN bertitik tolak atas beberapa cabaran sama ada bersifat psikologi maupun politik. Cabaran-cabaran itu termasuk perubahan pemikiran terhadap gagasan negara-bangsa dan konsep kenegaraan. Ledakan globalisasi mengakibatkan generasi muda tidak begitu berminat dalam isu-isu kenegaraan.

Faktor modenisasi turut mempengaruhi generasi baru menjadi golongan yang lebih selesa dengan bersikap pemusat-an-kendiri (self-centered). Dalam hal ini, generasi muda lebih selesa untuk mendapatkan kepuasan kehidupan sebagai individu manusia berbanding pengorbanan untuk masyarakat dan negara. Selain itu, faktor urbanisasi atau pembangunan di Malaysia juga menggalakkan kehilangan semangat berkomuniti, sebaliknya menyuburkan semangat individualistik di kalangan rakyat khususnya generasi muda.

Justeru, PLKN dilancarkan oleh kerajaan bagi memastikan generasi muda berada di landasan yang betul dan terarah. Jika dikaitkan dengan tiga cabaran besar di atas, PLKN bertujuan melahirkan generasi muda yang meminati isu-isu kenegaraan, mementingkan nilai bersama dan solidariti yang kukuh.

## **Kedaulatan dan Pengekalan Identiti Budaya Bangsa**

Cara mengekalkan kedaulatan negara yang seterusnya ialah dengan mempertahankan identiti bangsa melayu melalui budaya sendiri . Identiti bangsa sendiri perlu dipertahankan dan diperkenalkan . Manakala penularan budaya liar dan pengaruh budaya kuning perlu dicegah kerana ia boleh membawa kehancuran budaya dan masyarakat negara kita . Di negara membangun , pengaruh dan kesan budaya asing yang negatif sangat hebat . Satu demi satu negara jatuh di bawah perangkap penjajahan budaya, sekalipun negara berkenaan telah mencapai kemerdekaan . Masyarakat beradab adalah masyarakat yang sedar di mana bumi di pijak di situ langit di junjung . Falsafah yang harus dijunjung adalah perjuangan mengisi ikrar setia sebagai bangsa yang satu , warganegara yang memiliki maruah dan jiwa besar dengan kecintaan dengan sumber ilhamnya kepada sebuah negara Malaysia .

Matlamat akhir masyarakat berbudaya haruslah menjurus kepada kebanggaan negara dan kedaulatan bangsa . Untuk itu bangsa Malaysia yang dinamik perlu mempunyai identiti untuk mewujudkan bangsa yang bertamadun dan gemilang (A.Aziz Deraman , 2000 :3 ).Cara mengekalkan kedaulatan negara yang terakhir ialah pembahagian kuasa.Pembahagian kuasa membawa kepada kedaulatan yang kukuh kerana keyakinan rakyat kepada pemerintah untuk mengelakkan pembolotan kuasa di tangan orang yang boleh menimbulkan sistem diktator .

### **Kesimpulan**

Kewujudan sebuah negara bergantung kepada kedaulatan atau adanya kekuasaan tertinggi yang tidak terbatas .Kekuasaan tertinggi ertinya tiada kuasa lain yang akan menandingi kuasa sebuah negara .Sesiapapun harus tunduk kepada kuasa kerana sekiranya negara tidak mempunyai kuasa yang tertinggi atau kuasa yang selalunya tercabar maka dengan sendirinya kedaulatan sesebuah negara boleh terjejas .Ini bererti kuasa tertinggi menentukan sebuah negara itu harus bebas dari kongkongan kuasa-kuasa luar kerana negara yang tunduk dengan kuasa luar boleh menjadi sebuah wilayah jajahan . Dengan lain-lain perkataan sesebuah negara haru merdeka iaitu dapat menentukan nasib raktyatnya sendiri tanpa duduk di telunjuk kuasa lain atau luar .

### **BIBLIOGRAFI**

Abdul Rahman Embong berjudul ‘Wacana Globalisasi’ dalam Noraini Othman dan Sumit K.Mandal, *Malaysia Menangani Globalisasi : Peserta atau Mangsa?*, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000.

Abu Hassan Adam. (1994). Menebus maruah. Selangor: Kumpulan Rusa Sdn. Bhd .  
Katni Kamsono Kibat. (1986). Asas ilmu politik. Selangor : Biroteks.

A.Aziz Deraman. (2000). *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka.

Furnivall, J.S., *Colonial Policy and Practice: A Comparative Study of Burma and Netherlands*, Universiti of New York Press, New York.

Giddens, A. 1999. *Runaway World : How Globalisation is Reshaping Our Lives*. London : Profile Books.

Ismail Yusof. (2001). *Pengenalan Sains Sosial* . UUM :Sintok

K.Ratnam.(1999) .*Sejarah Malaysia,Asia Tenggara ,Asia Timur dan Asia Selatan*.  
Selangor :Pustaka sarjana Sdn.Bhd.